

Faks : 237605

Tel : 088-252692
Bil : KEW(S)100-44/47
Tarikh : 31 Julai 2007



KEMENTERIAN KEWANGAN
Wisma Kewangan
88593 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

**Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri**

Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**ALIRAN MAKLUMAT PROJEK/PROGRAM PEMBANGUNAN DAN
AGIHAN PERUNTUKAN**

Dengan hormatnya perkara tersebut di atas dirujuk.

2. Sila maklum bahawa semua pertanyaan mahupun butiran maklumat yang diperlukan oleh Kementerian Kewangan berhubung dengan projek-projek pembangunan pihak Datuk/Datin/Tuan/Puan bolehlah berhubung dan berurusan terus dengan pihak Kementerian Kewangan demi mempercepatkan aliran maklumat yang diperlukan secara spesifik. Pejabat ini sedar bahawa sesetengah Kementerian menghendaki jabatan-jabatan mereka untuk terlebih dahulu menyalurkan maklumat ini sebelum dikemukakan kepada Kementerian Kewangan. Didapati cara ini melewatkan maklumat diterima untuk sebarang tindakan.

3. Sehubungan dengan peraturan ini, pihak Kementerian Pengawal bolehlah membuat *Internal Reporting System* (IRS) berhubung dengan pergerakan maklumat-maklumat ini supaya dapat dikemaskini mengikut keperluan masing-masing. Kementerian Kewangan akan sentiasa memberikan kerjasama dengan memberikan salinan suratnya kepada Kementerian berkenaan apabila suatu tindakan diambil.

4. Di samping itu, selaku Kementerian/Jabatan Pengawal, pihak tuan dikehendaki merancang pindahan peruntukan lebih awal kepada Jabatan-jabatan pelaksana. Begitu juga di peringkat Jabatan, pindahan peruntukan hendaklah juga diberikan lebih awal bagi mereka yang mempunyai pejabat di daerah-daerah bagi memastikan penyediaan pembayaran dapat dilakukan dengan segera.

KEW(S)100-44/17
31 Julai 2007

5. Dengan pengeluaran surat ini pihak tuan adalah dikehendaki untuk memberi *direct response* kepada Kementerian ini demi untuk penjimatan masa sejajar dengan arahan YAB Ketua Menteri/Menteri Kewangan.

Sekian, terima kasih.

"JIMAT DAN PRODUKTIF"



(Yusoff bin Datuk Hj. Mohd. Kassim, PGDK)
Setiausaha Tetap

s.k. Setiausaha Kerajaan Negeri
Jabatan Ketua Menteri
Tingkat 6, Wisma Innoprise
88817 KOTA KINABALU

s.k. Pengarah
Unit Perancang Ekonomi Negeri
Tingkat 8, Blok B, Wisma MUIS
88999 KOTA KINABALU

s.k. Bendahari Negeri
KOTA KINABALU